



## **MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**

### **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI HAJI MOHAMUD**

**YANG DIPERTUA MPSP**

### **SEMPENA**

**“HARI SUKARELAWAN DI SEBERANG PERAI”**

**11 NOVEMBER 2017 (SABTU)**

**7.00 PAGI**

**BERTEMPAT DI DEPO PEMBERSIHAN MPSP PADANG LALANG**

**JALAN PADANG LALANG**

**BUKIT MERTAJAM**

**SEBERANG PERAI TENGAH**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng**

Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Puan Chong Eng**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan, Pembangunan

Wanita, Keluarga & Komuniti

**Yang Berhormat**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat**

Ahli Dewan Undangan Negeri

**Yang Berhormat**

Ahli Parlimen Pulau Pinang

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir Hj Rosnani bt Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Pengarah / Pegawai / Kakitangan**

Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan dan Agensi Kerajaan

**Ketua – Ketua Jabatan dan Pegawai**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan - Rakan Media**

**Tuan - Tuan Dan Puan - Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Program Hari Sukarelawan Di Seberang Perai.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan kerana dapat meluangkan masa dan hadir ke program pagi ini.

**YAB, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Berikutan angin kencang dan hujan lebat sejak Sabtu lepas (04 November 2017), banyak kawasan di Pulau Pinang terjejas akibat banjir yang dikatakan terburuk di negeri ini. Di Seberang Perai, banyak kawasan termasuk jalan raya utama telah ditenggelami air antara 0.2 dan satu meter. Kejadian ini turut menyebabkan 671 batang pokok tumbang. Selain itu, kesesakan lalu lintas luar biasa boleh disaksikan di jalan-jalan utama yang dipenuhi air.

Sebanyak 35 pusat pemindahan banjir telah dibuka di Seberang Perai Utara, 39 di Seberang Perai Tengah dan 4 pusat di Seberang Perai Selatan. Ini melibatkan 4,824 mangsa di SPU, 3,629 mangsa di SPT dan 505 di SPS. Jumlah keseluruhan pusat pemindahan adalah sebanyak 78 dengan jumlah mangsa seramai 8,598 orang.

Sehingga 10 November 2017, hanya 6 pusat di SPU masih beroperasi dengan jumlah mangsa sebanyak 973 orang, 3 pusat di SPT yang melibatkan mangsa sebanyak 288 orang, manakala 4 pusat pemindahan di SPS telah ditutup. Jumlah keseluruhan pusat pemindahan di yang masih dibuka sehingga 10 November 2017 adalah 9 dengan mangsa seramai 1,261 orang.

MPSP telah menggerakkan seramai 2,660 orang tenaga kerja bagi melancarkan kerja-kerja pembersihan pasca banjir. Selain itu, MPSP juga menerima bantuan tenaga kerja dari 12 buah PBT di Negeri Selangor, seramai 157 orang, 4 buah PBT Melaka, seramai 37 orang, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka seramai 6 orang, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka, seramai 5 orang dan Syarikat Air Melaka Berhad seramai 10 orang menjadikan keseluruhan delegasi dari negeri Melaka adalah seramai 58 orang.

Sebanyak 222 buah jentera pelbagai jenis telah digunakan bagi membantu menjalankan tugas-tugas pembersihan pasca banjir. 97 daripadanya adalah bantuan dari pihak swasta. Manakala bantuan sebanyak 32 buah jentera dari PBT Negeri Selangor dan 10 buah jentera daripada PBT dari Melaka dan selebihnya daripada MPSP sendiri.

MPSP mengguna pakai 116 unit *chainsaw* untuk kerja-kerja pemotongan pokok tumbang di mana 51 adalah daripada PBT dan juga pihak swasta. Di samping itu MPSP telah membantu menyediakan 22 unit tandas bergerak, di mana 20 unit adalah daripada sumbangan pihak swasta.

Pihak-pihak yang telah memberi bantuan tenaga kerja, kenderaan, jentera, peralatan dan juga makanan adalah seperti berikut:-

- i. PBT Selangor
  - a. MD Kuala Langat
  - b. MB Petaling Jaya
  - c. MD Sabak Bernam
  - d. MP Sepang
  - e. MB Shah Alam
  - f. MD Hulu Selangor

- g. MP Subang Jaya
- h. MP Ampang Jaya
- i. MP Selayang
- j. MP Kajang
- k. MP Klang
- ii. PBT Melaka
  - a. MP Hang Tuah Jaya
  - b. MP Alor Gajah
  - c. MB Melaka Bersejarah
  - d. MP Jasin
- iii. Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
- iv. Syarikat Air Melaka Berhad
- v. Jabatan Kesihatan Melaka
- vi. Syarikat Ban Cheong
- vii. KKH Company
- viii. ISMAJU
- ix. FMM
- x. Asas Dunia
- xi. Oriental Max
- xii. E-Idaman
- xiii. JKR Bukit Tengah
- xiv. PLB Sdn. Bhd.
- xv. Eurasia Express Sdn Bhd EESB

- xvi. Confast Hardware
- xvii. Eik Seng Machinery
- xviii. BM City
- xix. Eco World
- xx. West Mah
- xxi. Ambr Engineering
- xxii. Tera Engineering
- xxiii. Keung Brothers
- xxiv. Syifa Bina Sdn Bhd
- xxv. Aspen Group
- xxvi. Star Sanctuary & SPECC
- xxvii. Hwa Yang
- xxviii. Shampornam (YB Sim)
- xxix. YB Teluk Intan
- xxx. Ahli Majlis Encik Jason
- xxxi. Ahli Majlis Puan Shuhada
- xxxii. Ahli Majlis Encik Michael Tan
- xxxiii. Encik Zulkifli Ibrahim

Kerja-kerja pembersihan pasca banjir meliputi pembersihan jalan, pembersihan longgokan sampah banjir dan pembersihan pusat-pusat pemindahan, Sehingga 10 November 2,307.03 tan sampah banjir telah dilupuskan di tapak pemindahan Ampang Jajar. Di Padang Lallang

beratan sampah yang terkumpul adalah sebanyak 661.9 tan. Kerja-kerja pembersihan ini diteruskan pada setiap masa sehingga selesai.

Bermula 9 November 2017 pula, Pasukan Kawalan Vektor daripada Pejabat Kesihatan Daerah SPT telah memulakan semburan disinfeksi di longgokan sampah di 5 stesen pembuangan sementara yang dikenalpasti sebagai pusat pemindahan sementara sebelum dibawa ke tapak pelupusan iaitu:-

### **Seberang Perai Utara**

- ⌚ Tapak Cadangan Pasar Awam, Taman Sg. Dua Utama,

### **Seberang Perai Tengah**

- ⌚ Tapak Cadangan Stadium Hoki (bersebelahan Kompleks Sukan, Jalan Betek), Bukit Mertajam
- ⌚ Depoh Padang Lallang, Bukit Mertajam
- ⌚ Tapak Tempat Letak Kereta Kompleks Makanan Tidak Aktif (IKS Usahajaya), Bukit Mertajam
- ⌚ Tapak Tempat Letak Kereta Pasar Sri Rambai, Bukit Mertajam

Semburan juga dilakukan juga di lokasi yang ada longgokan sampah yang banyak dan yang berpotensi untuk pembiakan nyamuk aedes, lalat dan tikus.



**YAB, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Pada Persidangan DUN, 9 November 2017, YAB Ketua Menteri telah mengumumkan “Pulau Pinang Bangkit” dan selaras dengan itu, pada pada hari ini, Sabtu 11 November 2017, MPSP menganjurkan Hari Sukarelawan di Seberang Perai, Kawasan tumpuan pembersihan pada hari ini adalah di Taman Sri Rambai dan Desa Damai yang melibatkan 500 orang mewakili MPSP, Pejabat SUK Melaka, Angkatan Tentera, JPAM serta orang ramai yang turut serta membantu membuat kerja-kerja pembersihan pada hari ini. Terima kasih diucapkan pada semua.

Bekalan peralatan dan jentera adalah terdiri daripada 19 unit *lori tipper*, 2 unit *back hoe* daripada MPSP, 1 unit *back hoe* daripada JKR, 1 unit lori tangki dan 7 unit *water pressure pump* daripada PBA. Selain itu, MPSP juga menerima bantuan peralatan, jentera dan kemudahan daripada Syarikat Ban Cheong, KKH Company, ISMAJU, FMM, Asas Dunia, Oriental Max, E-Idaman dan SW Corp, PLB Sdn. Bhd., Eurasia Express Sdn Bhd (EESB), Confast Hardware, Eik Seng Machinery, BM City, Eco World, West Mah, Ambr Engineering, Tera Engineering, Keung Brothers, Syifa Bina Sdn Bhd, Aspen Group, Star Sanctuary & SPECC, Hwa Yang dan Shampornam.

Terima kasih diucapkan kepada semua.

**YAB, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Di kesempatan ini, sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kesemua agensi kerajaan negeri dan persekutuan, pihak swasta, NGO dan penduduk Seberang Perai yang terlibat dalam kerja-kerja bantuan semasa dan selepas banjir, yang telah menyumbangkan tenaga kerja dan lain-lain bantuan tanpa mengira penat dan lelah.

MPSP komited untuk memastikan semuanya akan kembali kepada normal secepat mungkin. Kita mahu Pulau Pinang umumnya dan Seberang Perai khususnya pulih dan bangkit semula ke tahap sebelum bencana banjir pada 4 dan 5 November 2017. Dan saya yakin dengan semangat kental dan hati yang cekal yang dibuktikan semasa bencana ini berlaku, kita dapat berjaya bangkit dengan melakukannya secara bersama.

Sekian, terima kasih.

*Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.*